

Name of Media	: Berita Harian, Singapore
Date of Article	: 1 June 2007
Author	: Oleh Suhana A. Samat
Pages	: 1/2
Notes	:

Walaupun stabil, masih banyak cabaran dihadapi

Wilayah kini aman
tetapi pembangunan
semula berjalan
terlalu perlahan

Oleh SUHANA A. SAMAT
suhana@sph.com.sg



ENCK Munawar: Berikan gambaran keadaan di Aceh sewaktu menyertai perbincangan meja hunda di Singapura minggu lalu.

BENCANA tsunami yang melanda wilayah Aceh pada Disember 2004 membuka peluang tidak di sangka bagi mengembalikan keamanan di kawasan yang dicegkam keganasan selama hampir tiga dekad.

Pada Ogos 2005, pemerintah Indonesia dan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) memeterai perjanjian damai bagi mengakhiri seangkatan yang mengorbankan lebih 15,000 orang.

Kini, selang hampir dua tahun, apakah kedamaian yang didamba menjanjikan keadaan kehidupan yang lebih baik bagi 3.9 juta penduduknya?

Ini yang dikupas oleh bekas timbalan jurucakap GAM, Enck Munawar Liza Zainal, yang kini menjadi Datuk Bandar Sabang, Aceh, ketika menyertai perbincangan meja hunda anjuran Yayasan Asia Eropah di Singapura minggu lalu.

Memberikan gambaran keadaan di Aceh sekarang, Enck Munawar berkata secara keseluruhannya, keadaan di wilayah itu semakin stabil, dengan tidak ada lagi keganasan dilaporkan antara askar Indonesia dengan bekas anggota GAM.

Ini terbukti apabila pilihan raya bagi jawatan gubernor yang diadakan pada Disember lalu tidak dicegkam dengan sebarang keganasan atau kekacauan.

Meskipun demikian, Enck Munawar akur banyak cabaran yang masih dihadapi wilayah yang dikenali dengan julukan 'Serambi Mekah' itu.

"Di segi proses pembangunan semula Aceh selepas bencana tsunami, ia berjalan terlalu perlahan. Selang lebih dua tahun, banyak lagi bangunan, rumah dan sekolah yang belum terbina.

"Saya percaya ini disebabkan oleh terlalu banyak birokrasi, susah dan tidak ada peraturan yang jelas di Aceh," jelasnya.

Berlatar belakangkan perkembangan itu, tidak hairan jika nasib bekas anggota GAM atau korban konflik kurang diberi perhatian.

Menurut Enck Munawar, selepas bencana tsunami, memang banyak dana yang diterima daripada masyarakat antarabangsa.

"Tetapi setiap badan bukan pemerintah (NGO) hanya memberi

pertolongan kepada korban tsunami dan mereka tidak akan menyulurkan bantuan kepada korban konflik keganasan," jelasnya.

Pemerintah pusat juga gagal mengotakan janji mereka untuk menyumbang 700 bilion Rupiah (\$121 juta) bagi memampung program integrasi bekas anggota GAM kembali menyertai masyarakat.

Setakatnya, hanya 250 bilion Rupiah diserahkan kepada pemerintah Aceh.

Ketika ditamui *Berita Harian*, Enck Munawar menjelaskan:

"Bagi mereka yang selama di gunung dan sebelum ini berperang, kita harus ada program integrasi untuk membolehkan mereka bersatu dengan masyarakat memandangkan mereka selama ini serba ketinggalan.

"Misalnya, selama ini mereka kehilangan rumah, kehilangan modal, kehilangan usaha, apabila mereka kembali kepada pangkuan masyarakat, kita harus memberi mereka kemahiran melalui latihan.

"Kita harus beri modal sehingga dia boleh berusaha seperti masyarakat yang lain."

Namun, banyak program itu tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan yang jauh lebih rendah berbanding apa yang telah dijanjikan pemerintah pusat, katanya.

"Kalau pemerintah Indonesia tidak serius atau tidak ikhlas dalam menjalankan program integrasi, ini bisa mengganggu kedamaian. Bagi memastikan perdamaian tidak terganggu, pemerintah Indonesia harus ikhlas," kata Enck Munawar.

Di segi politik, Enck Munawar juga rasa kecewa kerana pemerintah pusat secara tidak langsung menarik balik sebahagian besar

autonomi yang dijanjikan di bawah perjanjian damai itu.

Di bawah Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani di Helsinki, Finland, semua urusan publik diuruskan sendiri oleh pemerintah Aceh, kecuali dalam enam perkara seperti politik luar negeri, pertahanan, sistem keadilan, dasar fiskal, kewangan dan hal agama.

Namun, satu draf peraturan pemerintah yang bakal dijadikan undang-undang, hampir 31 bidang berkaitan pemerintahan dalam negeri diambil balik oleh pemerintah pusat.

"Istikan namanya tidak ikhlas. Jika pemerintah pusat ikhlas memberikan autonomi kepada Aceh, apa yang dijanjikan itu harus diberikan kembali," kata Enck Munawar.

Mengulas cabaran yang dihadapi penduduk Aceh, mantan ketua Misi Pemantauan Aceh (AMM) oleh Kesatuan Eropah, Enck Pieter Feith, yang turut menyertai perbincangan, menegaskan banyak kejayaan yang dicapai oleh pemerintah Indonesia di segi pembangunan semula Aceh.

"Kita lihat saja di Amerika Syarikat, kawasan yang terjejas oleh Taufan Katrina pada 2005, kini masih belum dapat dibangunkan semula sepenuhnya. Dan perkara ini berlaku di negara maju seperti di Amerika.

"Justeru, banyak yang sebenarnya dilakukan oleh pemerintah Indonesia bagi penduduk di Aceh, cuma memang bencana yang melanda wilayah itu sangat dahsyat sekali," tegasnya.

Menurut Enck Feith, memang penduduk Aceh mengharapkan pembangunan ekonomi dan kadar pengangguran merosot.

"Kadangkala, perkara ini memang mengambil masa lebih lama. Perkara ini yang bakal menjadi cabaran utama di Aceh dalam menentukan sama ada kedamaian di Aceh dapat dikekalkan," katanya.

Name of Media	: Berita Harian, Singapore
Date of Article	: 1 June 2007
Author	: Oleh Suhana A. Samat
Pages	: 2 / 2
Notes	:



FOTO: AP

KEDAMAIAN DINARAP BERKELALAN: Anggota GAM di Aceh yang dulu giat bertempur dengan askar Indonesia kini begitu mengharapkan bantuan yang dijanjikan pemerintah bagi membolehkan mereka menyertai semua masyarakat setempat.

PEMERINTAH INDONESIA HARUS IKHLAS BANTU

"Kalau pemerintah Indonesia tidak serius atau tidak ikhlas dalam menjalankan program integrasi, ini bisa mengganggu kedamaian. Bagi memastikan perdamaian tidak terganggu, pemerintah Indonesia harus ikhlas. Bagi mereka yang selama di gunung dan sebelum ini berperang, kita harus ada program integrasi untuk membolehkan mereka bersatu dengan masyarakat memandangkan mereka selama ini serba ketinggalan.

Misalnya, selama ini mereka kehilangan rumah, kehilangan modal, kehilangan usaha, apabila mereka kembali kepada pangkuan masyarakat, kita harus memberi mereka kemahiran melalui latihan.

Kita harus beri modal sehingga dia boleh berusaha seperti masyarakat yang lain."

- Enck Munawar Liza Zainal, bekas timbalan jurucakap GAM, yang kini Datuk Bandar Sabang, Aceh.

INTIPATI PERJANJIAN DAMAI ACEH

- ▷ Kesemua perincian dibincangkan
- ▷ Pemerintah Indonesia mengundurkan tentera dan pasukan polis bukan peminat tempatan di Aceh menjelang akhir 2005
- ▷ GAM meletakkan senjata dan membubarkan 3,000 pejuang
- ▷ Pemerintah Indonesia bersetuju untuk parti politik di Aceh dalam tempoh setahun mendatang
- ▷ Wilayah Aceh bebas dapat 30 peratus pentadbiran daripada sumber aslinya
- ▷ Pentadbiran Aceh dan undang-undang baru yang diperkenalkan menjelang 31 Mac 2006
- ▷ Pengumuman diarah kepada anggota GAM dan tahanan politik dalam tempoh dua minggu mendatang
- ▷ Sebuah mahkamah hak asasi manusia dan Suruhanjaya Pendidikan dan Menara Kebajikan ditubuh di Aceh
- ▷ Misi Pemantauan Aceh ditubuhkan oleh Kesatuan Eropah dan lima negara ASEAN.